

Bijak mengurus hutang

Pinjaman dikendali dengan baik mampu bawa kebaikan, masa depan lebih stabil



AKPK menyediakan khidmat bagi membantu orang ramai yang mengalami masalah kredit tidak terurus.



Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my


BAGI mereka yang berjaya menguruskan hutangnya dengan baik, banyak perkara yang boleh dilakukan apabila pendapatan bulanan dapat digunakan bagi pelbagai tujuan lain yang lebih menguntungkan berbanding hanya untuk tujuan melangsaikan hutang.

Dengan persekitaran semasa yang menyaksikan paras hutang individu semakin meningkat, memahami pengurusan hutang kini menjadi lebih penting berbanding sebelumnya.

Apabila pinjaman atau sesuatu hutang itu diuruskan dengan berhati-hati, ia sebenarnya mampu membawa banyak kebaikan kepada anda seperti dapat membeli rumah, melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau membiayai pendidikan anak.

Sekiranya, dapat menguruskan hutang dengan baik, kita juga dapat menguruskan perbelanjaan dengan lebih baik dan terurus.

Memahami hutang dan menguruskannya dengan bijak juga membolehkan anda mengecapi kehidupan dengan lebih baik, menjadikan hidup lebih bermakna kepada diri sendiri serta keluarga, selain dapat membawa anda kepada



SESEORANG yang berhadapan masalah hutang perlu mencari jalan penyelesaian terbaik.

kehidupan masa depan yang lebih stabil.

Antara contoh pengurusan hutang yang tidak bijak adalah apabila kita hanya membayar jumlah minimum atau hanya membayar faedah bagi pinjaman kad kredit.

Mengikut Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM), hanya kira-kira 30 peratus daripada pemegang kad kredit membayar jumlah tertunggak sepenuhnya.

Bagaimanapun, sebahagian besar pengguna hanya membayar faedah atau

jumlah minimum ke atas hutang kad kredit yang tertunggak.

Ini menyebabkan sampai bila pun mereka tidak akan dapat membayar sepenuhnya jumlah pinjaman pokok.

Berdasarkan profil demografi pemiutang yang mendapatkan nasihat kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), hutang kad kredit adalah antara masalah yang sering dihadapi pengguna, dengan 60 peratus daripada mereka adalah di

bawah usia 40 dan 65 peratus daripada mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM36,000 setahun.

Jika anda berdepan masalah hutang, mungkin anda boleh mengikuti 10 langkah yang disediakan MasterCard dan AKPK di bawah untuk keluar daripada kancang hutang yang membebakan.

Langkah 1. Buat penilaian ke atas hutang anda

- Menyedari dan mengetahui berapa banyak hutang yang telah anda kumpulkan adalah langkah pertama untuk mengurangkannya. Kebanyakan laman web mengenai pengurusan kewangan termasuk laman web AKPK ada menyediakan mesin kira berkomputer yang boleh digunakan untuk anda mengetahui nisbah hutang berbanding pendapatan dan sebagainya. Adalah kritikal bagi anda mengetahui jumlah hutang anda.

Langkah 2. Tetapkan matlamat untuk mengurangkan hutang.

Tetapkan sasaran untuk melangsaikan hutang dalam tempoh tiga tahun misalnya, dan kemudian pecahkan matlamat ini kepada beberapa siri lebih kecil untuk membolehkan anda mencapai sasaran.

Langkah 3. Buat perancangan perbelanjaan tersendiri.

- Tuliskan perancangan anda itu di atas kertas. Tuliskan jumlah perbelanjaan bulanan seperti bil

utiliti, barangan rumah, kos perubatan, keperluan isi rumah dan pengangkutan.

Tetapkan satu sasaran yang realistik dan jika boleh cuba kurangkan perbelanjaan yang ditetapkan itu.

Selain itu, jangan lupa untuk mengasingkan perbelanjaan bagi tujuan kecemasan seperti jika berlaku kerosakan kereta atau untuk tujuan rawatan hospital.

Langkah 4. Jejaki perbelanjaan anda.

- Gunakan perancangan yang telah dibuat untuk menjejaki perbelanjaan anda dengan secara berhati-hati dan cuba tinjau jika ada jalan untuk berjimat.

Lebih banyak wang yang dapat digunakan untuk menjelaskan hutang, lebih cepat anda akan keluar daripada kemelut hutang.

Langkah 5. Kurangkan perbelanjaan.

- Berhenti daripada berbelanja untuk tujuan tidak perlu. Ia boleh dilakukan dalam banyak cara.

Jika sebelum ini anda banyak menghabiskan wang untuk secawan kopi di kafe berjenama, mungkin anda boleh kurangkan kegiatan itu.

Langkah 6. Bayar hutang yang tinggi kadar faedah terlebih dulu.

- Ini kerana faedah boleh meningkatkan jumlah hutang anda dengan pantas. Pastikan anda menumpukan kepada hutang yang mempunyai kadar faedah tertinggi.

Langkah 7. Memahami apa itu faedah dan caj lambat bayar.

- Pastikan anda tahu kadar faedah hutang anda dan caj bayar lewat yang dikenakan.

Cuba elak daripada membayar melebihi tarikh ditetapkan supaya anda tidak dikenakan caj bayar lambat.

Langkah 8. Bayar lebih daripada jumlah minimum.

- Tahukah anda bahawa membayar lebih daripada jumlah minimum adalah satu langkah yang penting bagi mencapai sasaran bebas daripada berhutang. Ini terutama bagi hutang kad kredit dan juga amat berguna bagi pinjaman lain.

Langkah 9. Berikan ganjaran ke atas kejayaan.

- Buat satu komitmen untuk mencapai matlamat anda dan cuba cari apakah perkara yang memberikan motivasi kepada anda untuk melakukannya.

Pastikan ada seorang yang boleh memastikan anda cukup berdisiplin dan sentiasa komited ke arah mencapai matlamat untuk mengurangkan hutang itu.

Langkah 10. Bersabar.

- Ia mungkin mengambil sedikit masa untuk anda benar-benar keluar daripada belunggu hutang. Pastikan anda terus bersemangat dalam perkara itu. Ingat, pengurangan hutang akan membawa makna besar dalam hidup anda.